

Berhari raya ke rumah Dr. Mahathir



Datuk Harun Idris (kiri), bekas Menteri Besar Selangor yang baru sahaja dibebaskan setelah hukuman penjaranya dipendekkan, mengunjungi Datuk Seri Dr. Mahathir di rumahnya pada pagi Raya pertama.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyambut kunjungan Datuk Harun yang penuh riang gembira.

Kemesraan serta kegembiraan dapat dibayangkan dari dua wajah yang berhadapan ini — kemesraan silaturahim antara dua umat Islam.

Datuk Harun diiringi oleh isterinya, Datin Salmah, ketika mengunjungi Datuk Seri Dr. Mahathir di rumah Perdana Menteri itu kelmarin. — Gambar Berita Harian.